



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan program senamrobik bersama Canselornya, DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, dan DYTm Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis pada 7 Februari lalu bertempat di Stadium Utama Negeri Perlis.

Program yang bertemakan 'kedamaian dan keamanan' ini disertai seramai 3000 orang yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UniMAP dan diketuai oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam UniMAP, Mustaffa Ismail, program senamrobik yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003 ini merupakan acara tahunan universiti dan diadakan untuk merapatkan hubungan silaturrahim di antara warga universiti dengan DYTm Tuanku Syed Faizuddin Putra yang merupakan Canselor UniMAP.

Senamrobik Bersama Tuanku Canselor

"Selain itu, kita juga mahu melahirkan pekerja dan pelajar yang sihat, cerdas dan cergas bagi melaksanakan matlamat dan sasaran universiti. Maka, program senamrobiklah yang menjadi platform kepada warga UniMAP untuk tampil sihat dan bergaya", ujarnya.

Pada majlis itu juga, UniMAP telah melancarkan imej korporatnya selain menyerahkan hasil kutipan "Tabung Kemanusiaan Palestin" yang dilancarkan 17 Januari 2009 lalu kepada wakil media untuk disalurkan kepada mangsa kekejaman Israel di Palestin.

Selain acara tahunan bersama Canselor UniMAP ini, UniMAP juga menganjurkan program seumpama ini pada setiap minggu (hari Rabu) di mana ianya adalah untuk merapatkan silaturrahim sesama warga UniMAP yang semakin bertambah dan menjalankan aktiviti riadah bagi menjaga kesihatan kakitangan dan pelajarinya.